



TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002  
Faks : 03-88892639  
E-mel : farida@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(L)180/19/1-124 Klt. 39(54)  
Tarikh : 21 November 2012

### Semua Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Tan Sri/ Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka,

### GARIS PANDUAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH KEPADA KUMPULAN SOKONGAN BAGI MENGIKUTI LATIHAN KEMAHIRAN (TEKNIKAL DAN VOKASIONAL) DI BAWAH SKILLSMALAYSIA

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan Dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA) telah bersetuju meluluskan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) kepada Kumpulan Sokongan bagi mengikuti latihan kemahiran (teknikal dan vokasional) di bawah SkillsMalaysia sebagai sokongan terhadap usaha Kerajaan untuk mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) demi memenuhi keperluan modal insan negara.
3. Selaras dengan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Kepada Kumpulan Sokongan Bagi Mengikuti Latihan Kemahiran (Teknikal Dan Vokasional) Di Bawah

SkillsMalaysia. Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan pihak kementerian terutamanya kementerian-kementerian yang telah diturunkan kuasa melulus cuti belajar, agar pengurusan kemudahan ini dibuat dengan teratur dan menepati dasar-dasar yang ditetapkan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka adalah dipohon untuk mengambil perhatian ke atas pelaksanaan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Kepada Kumpulan Sokongan Bagi Mengikuti Latihan Kemahiran (Teknikal Dan Vokasional) Di Bawah SkillsMalaysia sebagaimana Garis Panduan dilampirkan, yang berkuat kuasa mulai **10 September 2012**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK FARIDA MOHD ALI)**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

Fail : JPA(L)S. 175/4/1-1 Klt.15 (23)

**GARIS PANDUAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH  
KEPADA KUMPULAN SOKONGAN BAGI MENGIKUTI LATIHAN  
KEMAHIRAN (TEKNIKAL DAN VOKASIONAL)  
DI BAWAH SKILLSMALAYSIA**

**TUJUAN**

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai dasar pemberian kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) kepada pegawai Kumpulan Sokongan dalam bidang teknikal dan vokasional di bawah SkillsMalaysia bagi mengikuti kursus kemahiran peringkat sijil atau diploma yang diluluskan.

**TAFSIRAN**

2. Bagi tujuan Garis Panduan ini;
- i. **“Cuti Belajar”** (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti **kursus jangka sederhana** dan **kursus jangka panjang** secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;
  - ii. **“Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)”** bermakna cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-

lain elaan yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

- iii. **“Kursus Jangka Sederhana”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga bulan tetapi tidak melebihi 12 bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- iv. **“Kursus Jangka Panjang”** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik.
- v. **“Kumpulan Sokongan”** bermakna kumpulan perkhidmatan yang terdiri daripada skim-skim perkhidmatan yang memperuntuk syarat kelayakan masuk peringkat diploma dan ke bawah yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- vi. **“Tempoh Cuti Belajar”** bermakna suatu tempoh yang diluluskan meliputi:
  - a. tempoh kursus yang diikuti termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik yang jatuh dalam masa kursus itu; dan/ atau
  - b. tempoh perjalanan ke tempat kursus dan perjalanan balik selepas kursus mengikut jalan yang paling dekat.

## **LATAR BELAKANG**

- 3. Pada masa ini, kemudahan cuti belajar yang disediakan untuk pegawai Kumpulan Sokongan seperti dijelaskan dalam Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Yang Mengikuti Kursus

Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa yang dikeluarkan pada bulan Jun 2009 adalah seperti berikut:

- i. Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG); dan
  - ii. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG).
4. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan Dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA) Bilangan 4 Tahun 2011 pada 6 Mei 2011, telah meluluskan kemudahan CBBP kepada Kumpulan Sokongan bagi mengikuti kursus kemahiran (teknikal dan vokasional) di bawah SkillsMalaysia.
  5. SkillsMalaysia merupakan salah satu daripada 19 projek permulaan dalam Program Transformasi Ekonomi, adalah inisiatif kerajaan bagi mentransformasikan pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebagai pemangkin ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.
  6. Kemudahan ini bertujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bagi melahirkan Kumpulan Sokongan yang berpengetahuan dan berinovasi, di samping menyediakan peluang mempertingkatkan kemahiran agar mereka mempunyai kebolehkeraan (*employability*) yang lebih luas sebagai usaha untuk memperbaiki kualiti kehidupan.

#### **PRINSIP-PRINSIP ASAS**

7. Prinsip asas pemberian kemudahan CBBP kepada Kumpulan Sokongan bagi mengikuti latihan kemahiran (teknikal dan vokasional) di bawah SkillsMalaysia adalah seperti berikut :
  - a) kemudahan ini diberi kepada pegawai **Kumpulan Sokongan** bagi mengikuti latihan kemahiran teknikal dan vokasional peringkat **Sijil/Diploma kemahiran** di bawah **SkillsMalaysia** di

**dalam negara** yang dibenarkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan. Kursus berkenaan diberikan untuk kepentingan perkhidmatan bagi:

- i. mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai dalam melaksana tugas serta menyediakan laluan kemajuan kerjaya lebih baik; dan
  - ii. menyediakan pegawai dengan kemahiran baru dalam bidang teknikal dan vokasional bagi menceburi kerjaya kedua.
- b) kemudahan CBBP ini layak dipertimbangkan **sekali sahaja** sama ada bagi peringkat **Sijil Kemahiran (maksimum 12 bulan)** atau **Diploma Kemahiran (maksimum 18 bulan)** tertakluk kepada tempoh surat tawaran daripada institusi.
- c) kuasa melulus cuti belajar adalah di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) kecuali bagi kementerian/jabatan yang telah diwakilkan kuasa oleh KPPA;
- d) cuti belajar boleh diberi kepada pegawai yang diluluskan mengikuti kursus atau pengajian yang **melebihi tiga (3) bulan**. Bagi kursus yang tempohnya tiga (3) bulan atau kurang, kelulusan menghadiri kursus yang diberikan oleh Ketua Jabatan adalah dianggap sebagai cuti menghadiri kursus;
- e) pegawai yang sedang bercuti belajar di bawah program ini dan dikenakan tindakan tatatertib/disiplin atau tindakan mahkamah, akan ditamatkan cuti belajar dan tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar seterusnya sama ada dalam kategori yang sama atau kategori yang lebih rendah;

- f) pegawai yang menarik diri daripada kursus/pengajian tanpa kelulusan bertulis Kerajaan tidak layak dipertimbangkan kemudahan cuti belajar seterusnya sama ada dalam kategori yang sama atau kategori yang lebih rendah;
- g) tempoh **maksimum** CBBP yang dibenarkan adalah **12 bulan** bagi pengajian peringkat **Sijil Kemahiran** dan **18 bulan** bagi pengajian peringkat **Diploma Kemahiran** (tertakluk kepada tawaran pengajian) termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
- h) tempoh cuti belajar tidak boleh diambil kira sebagai tempoh sedang berkhidmat bagi tujuan menyelesaikan tempoh ikatan perjanjian sebelumnya atau tempoh perkhidmatan wajib seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang melainkan dinyatakan sebaliknya;
- i) pegawai yang diluluskan cuti belajar masih tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa;
- j) penangguhan pengajian boleh dipertimbangkan atas masalah kesihatan yang diperakukan oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh JPA/kementerian, tertakluk kepada kebenaran institut latihan kemahiran untuk penangguhan pengajian;
- k) Sebarang pelanjutan cuti belajar tidak dipertimbangkan;
- l) pegawai yang diluluskan cuti belajar akan dikenakan ikatan kontrak berkhidmat dengan kerajaan dan sekiranya melanggar syarat-syarat dalam perjanjian (termasuk gagal dalam pengajian), pegawai akan dikenakan tuntutan ganti rugi seperti di **Lampiran A**;

- m) semua jawatan yang dikosongkan berikutan penyandang bercuti belajar tidak boleh diisi secara hakiki ataupun digunakan bagi tujuan kenaikan pangkat untuk mengelakkan berlakunya lebih pegawai. Walau bagaimanapun, tugas-tugas jawatan berkenaan boleh dilaksanakan melalui arahan penanggungjawab kerja atau pelantikan secara kontrak sahaja.
- n) pegawai yang diluluskan kemudahan CBBP ini dan tamat pengajian dengan jaya, tidak dijamin oleh Kerajaan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi; dan
- o) latihan kemahiran (teknikal dan vokasional) yang boleh diikuti adalah kelayakan/latihan yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Senarai penuh kelayakan kemahiran dan institusi kemahiran boleh dirujuk di pautan berikut: <http://www.ejpk.gov.my/MQA/ProgramList.aspx>.

## **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- 8. Syarat-syarat yang ditetapkan dalam mempertimbangkan kemudahan CBBP kepada Kumpulan Sokongan bagi mengikuti latihan kemahiran SkillsMalaysia, adalah seperti berikut:
  - i) berkhidmat secara tetap;
  - ii) telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa;
  - iii) memperoleh markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) terkini sekurang-kurangnya 85 peratus bagi tempoh genap tiga tahun (3) kalendar berturut-turut;
  - iv) diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia) untuk mengikuti latihan kemahiran (teknikal dan vokasional) SkillsMalaysia secara



sepenuh masa. Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan dalam mempertimbangkan perakuan tersebut hendaklah mengambil kira kelancaran pelaksanaan tugas di Jabatan masing-masing tidak terjejas;

- v) berumur **tidak melebihi 50 tahun** pada tarikh mengemukakan permohonan, tarikh memulakan pengajian atau satu tarikh yang ditetapkan Kerajaan mengikut mana yang berkenaan;
- vi) mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

<b>Tempoh kursus</b>	<b>Tempoh Menunggu</b>
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- vii) telah mendapat tempat di institusi latihan kemahiran untuk mengikuti latihan kemahiran dengan tempoh **maksimum 12 bulan** bagi pengajian peringkat **Sijil kemahiran** dan **maksimum 18 bulan** bagi pengajian peringkat **Diploma kemahiran**;
- viii) kursus yang diikuti telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia melalui Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK);
- ix) bebas daripada sebarang pertuduhan dan tindakan tatatertib;
- x) telah mengisytiharkan harta;
- xi) mempunyai keupayaan membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan kursus yang akan diikuti; dan
- xii) pegawai bukan merupakan peminjam tegar pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.

## **IMPLIKASI PEMBERIAN**

9. Kesan pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh ini terhadap perkhidmatan pegawai dan perkara lain yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran B**.

## **PERTANYAAN**

10. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Bagi Kumpulan Sokongan Di Bawah SkillsMalaysia ini, hendaklah dirujuk kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 6, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p: Unit Perancangan dan Dasar Latihan)**

**Telefon : 03-88853000/4000  
Faks : 03-88810743  
Emel : dasarlatihan@jpa.gov.my**

## **TARIKH KUAT KUASA**

11. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **10 September 2012**.

LAMPIRAN A

**TEMPOH KONTRAK DAN TUNTUTAN GANTIRUGI  
(Berkuatkuasa mulai 2 Julai 2003)**

PEGAWAI	TEMPOH IKATAN PERJANJIAN (TAHUN)		
	KURSUS BUKAN PROFESIONAL	KURSUS PROFESIONAL*	DALAM NEGARA
<b>A.Cuti Belajar Lain-Lain Kategori***</b>			
a) Sijil/Diploma Lulusan Ijazah/ Ijazah Lanjutan			
i. Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun**	1	2	RM25,000
ii. Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun**	2	3	RM50,000

\* Kursus Profesional/Kritikal meliputi kursus-kursus seperti Perubatan dan Pergigian, Kejuruteraan, Senibina, Perakaunan (UK dan Australia) dan Undang-undang seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan.

\*\* Tempoh 3 bulan atau kurang tidak dikenakan ikatan perjanjian dan gantirugi.

\*\*\* Meliputi Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG), CBSG Tanpa Biasiswa dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Dengan Biasiswa dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG) Tanpa Biasiswa.

**Pergerakan Gaji**

1. Pegawai yang diluluskan CBBP boleh diberi pergerakan gaji sebenar sepanjang tempoh kursus sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002.

**Kekananan**

2. Tempoh CBBP tidak menjejaskan kekananan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010.

**Pemangkuan**

3. Pegawai yang sedang memangku apabila diluluskan CBBP akan hilang kelayakan dibayar elaun pemangkuan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010.

**Kenaikan Pangkat**

4. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh cuti belajar sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010.

**Bayaran Elaun dan Kemudahan**

5. Pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai yang diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan yang

ditetapkan dari semasa ke semasa. Bayaran-bayaran yang terlibat adalah seperti di bawah:

i) **Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal**

Pegawai dalam perkhidmatan yang dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal dan telah diluluskan CBBP melebihi tiga bulan, tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

ii) **Imbuan Tetap Perumahan**

Imbuan Tetap Perumahan (ITP) akan diberi kepada pegawai sekiranya hanya diluluskan CBBP.

iii) **Elaun Perumahan Wilayah**

Elaun Perumahan Wilayah (EPW) tidak akan diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan dan akan digantikan dengan Imbuan Tetap Perumahan (ITP).

iv) **Bantuan Sara Hidup dan Bayaran Insentif Wilayah**

Pegawai yang menghadiri kursus melebihi tiga (3) bulan di dalam atau di luar negeri adalah **TIDAK** memenuhi syarat kelayakan untuk dibayar Bayaran Insentif Wilayah (BIW). Oleh yang demikian, ketetapan telah dibuat bahawa:

- a. pegawai yang mengikuti kursus/pengajian melebihi tiga (3) bulan di dalam negara akan dibayar Elaun Bantuan Sara Hidup untuk menggantikan BIW;
- b. pegawai yang berasal dan bertugas di Semenanjung Malaysia yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah/Sarawak layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;

- c. pegawai yang berasal dari Sabah/Sarawak dan bertugas di Semenanjung yang diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Semenanjung layak dibayar Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya;
- d. pegawai yang berasal dan bertugas di Sabah dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sarawak layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi institusi pengajiannya; dan
- e. pegawai yang berasal dan bertugas di Sarawak dan diluluskan CBBP untuk mengikuti kursus/pengajian di Sabah layak menerima Bantuan Sara Hidup mengikut lokasi pengajiannya.

#### **Elaun / Bayaran Insentif Lain**

6. Pegawai yang diluluskan CBBP layak menerima elaun/ bayaran insentif lain tertakluk kepada syarat dan kelayakan mana-mana elaun/ bayaran insentif yang berkaitan.

#### **Faedah Persaraan**

7. Tempoh CBBP boleh dimasukkira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuatkuasa.

## Rujukan

### SYARAT PEMBAYARAN ELAUN DAN KEMUDAHAN BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN CUTI BELAJAR

JENIS ELAUN DAN KEMUDAHAN	RUJUKAN
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007; dan Surat Edaran JPA(BPO)(S)256/21/3-2 Klt.28(27) bertarikh 21 April 2009.
Elaun Perumahan Wilayah	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001, Perenggan 6 (6.8).
Bantuan Sara Hidup	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2012.
Bayaran Insentif Wilayah	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1990 & Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007.
Imbuhan Tetap Perumahan	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996.